



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO
TARIKH	:	7/7/2018
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN
MUKA SURAT	:	75



ABDUL Kadir (kanan) dan Pengarah Bahagian Juruperunding PERHILITAN, Wan Mohd Adib Wan Mohd Yusoh menunjukkan kulit harimau belang dan harimau dahan yang dirampas.



ANTARA beberapa bahagian hidupan liar yang ditemui.

PENJERAT TERJERAT

■ Enam warga Vietnam simpan beberapa bahagian hidupan liar bernilai RM500,000 ditahan

Faris Fuad

faris.fuad@nstp.com.my

Cheras

Empat lelaki dan dua wanita Vietnam ditahan pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) selepas didapati menyimpan beberapa bahagian hidupan liar termasuk kulit, taring dan kuku harimau

tanpa dokumen sah. Semua suspek berusia lingkungan 20-an hingga 40-an diberkas di sebuah premis pekerja kilang papan di Kuala Lipis Pahang, kelmarin. Ketua Pengarah PERHILITAN Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pihaknya percaya suspek berkenaan adalah pemburu haram hidupan liar yang menggunakan jerat sebagai senjata utama untuk memerangkap

serta membunuh hidupan itu terutama harimau sejak tiga tahun lalu. Beliau berkata individu terbabit boleh mengaut keuntungan sehingga RM200,000 bagi setiap keping kulit harimau belang menerusi jualan di pasaran haram.

FAKTA
Setiap keping kulit harimau belang boleh dijual sehingga RM200,000

"Antara bahagian hidupan liar disita ialah kulit harimau belang di mana mereka menjual RM200,000 sekeping, kita rampas dua maknanya nilai rampasan RM400,000. "Bahagian haiwan lain termasuk 20 unit kuku beruang, empat unit tanduk kambing gurun, 12 unit taring babi hu-

tan dan 39 kilogram daging hidupan liar, ia antara penyumbang kepada nilai rampasan berjumlah sehingga RM100,000. "Nilai rampasan keseluruhan dipercayai mencecah RM500,000," katanya pada sidang media di ibu pejabat PERHILITAN di sini, semalam. Beliau berkata, suspek disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) kerana memburu

hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya dan memiliki jerat. "Mereka direman selama tujuh hari bermula 4 Julai lalu. "Pada masa sama, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan diharapkan dapat menghubungi talian hotline PERHILITAN di 1-800-88-5151 atau layari laman web www.wildlife.gov.my untuk info lanjut," katanya.